

Langkah perangi rasuah kesinambungan

UM - 2 JUN 2005

KUALA LUMPUR 1 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberitahu, langkah memerangi rasuah yang menjadi keutamaan pentadbirannya adalah sebagai kesinambungan kepada usaha yang dijalankan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sekarang lebih menekankan perkara itu dalam usaha mengurangkan rasuah yang berlaku di dalam negara.

“Apa yang dilakukan ialah agar rasuah itu difahami, ditolak serta tidak menjadi amalan di kalangan pegawai-pegawai kerajaan dan rakyat negara ini.

“Pada saya, apa yang Dr. Mahathir kata-

kan mengenai rasuah merupakan satu peringatan daripada seorang bekas Perdana Menteri yang pada zamannya juga memerangi rasuah,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Tindakan

Abdullah memberitahu, usaha memerangi rasuah yang dilakukan sekarang merupakan satu tindakan berterusan.

Katanya, beliau merupakan sebahagian daripada anggota pentadbiran Dr. Mahathir dulu dan berharap penerangan yang diberi-

kan oleh bekas pemimpin itu diterima oleh semua pihak.

Kelmarin, Dr. Mahathir melahirkan rasa kecewa apabila ada pihak yang mempertikaikan pentadbirannya dalam menangani rasuah semasa beliau menjawat jawatan Perdana Menteri selama 22 tahun.

Bekas Perdana Menteri itu yang bersara pada 2003 berkata, beliau pernah menangis dan merayu sambil disaksikan rakyat Malaysia untuk menggambarkan betapa sedihnya amalan rasuah yang boleh menjadi bala dalam kerajaan dan parti.

Abdullah memberitahu, kerajaan sememangnya bersungguh-sungguh dalam usaha memerangi rasuah dan telah mengambil

usaha Mahathir — PM

banyak tindakan pencegahan termasuk memberi peruntukan lebih besar kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) bagi meningkatkan kecekapannya.

“Ini termasuk menerima cadangan BPR untuk merubuhkan unit yang dianggotai pakar perkaunan dan audit.

“Kerajaan juga telah menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) yang berperanan memberi penerangan kepada pegawai serta kakitangan kerajaan tentang keburukan gejala rasuah agar mereka sentiasa menjauhi dari perbuatan keji itu,” katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan juga telah mengambil langkah proaktif dengan mengurangkan kerenah birokrasi di ja-

batan-jabatan kerajaan untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya perbuatan rasuah.

Ujar beliau, kerajaan telah mewujudkan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia bagi memerangi gejala rasuah di kalangan anggota polis.

“Tindakan ini termasuklah menubuhkan sebuah jawatankuasa bertindak yang dipengerusikan oleh saya sendiri bagi melaksanakan syor yang dikemukakan oleh suruhanjaya itu.

“Saya percaya dengan tindakan yang diambil itu akan dapat mengurangkan rasuah dalam kerajaan,” katanya.